

Newspaper	Berita Harian
Date	17/4/2014



Dr Mahathir bersalaman dengan pelajar Universiti Teknologi Petronas sempena **Syarahannya** **Canselor Universiti Teknologi Petronas bertajuk 'Pemimpin Dalam Masyarakat Hari Ini: Isu, Cabaran dan Masa Hadapan'** di UTP, Seri Iskandar, semalam.

[FOTO FARHAN NAJIB/BH]

# Anwar 'raja sandiwara'

BH / 17-4-2014

**Seri Iskandar:** Pertembungan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail bagi merebut jawatan Presiden PKR hanya satu bentuk sandiwara semata-mata, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau tidak hairan dengan pertandingan itu kerana Anwar dikenalnya sebagai 'raja sandiwara' dan penuh muslihat politik.

"Anwar selalu mengadakan sandiwara, sepanjang masa

dia hidup dalam sandiwara, dia nak jadi Perdana Menteri, atas pentas bolehlah... sandiwara.

"(Sebagai contoh) ini (Anwar) nak bagi selesaikan (isu kehilangan pesawat) MH370, cuma guna satu saat saja, kenapa tidak guna beberapa saat lagi, cakap bolehlah," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas menyampaikannya Syarahan Umum Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) bertajuk

'Pemimpin Dalam Masyarakat Hari Ini: Isu, Cabaran dan Masa Hadapan' di sini, semalam.

Beliau mengulas pemilihan PKR tahun ini yang menyaksikan saingan sengit di semua jawatan termasuk kerusi Presiden apabila Dr Wan Azizah sebagai penyandang dicabar oleh Anwar.

Mengenai cadangan PAS untuk membawa cadangan pelaksanaan hukum hudud di Kelantan ke Parlimen untuk diluluskan, beliau berkata cadangan itu mungkin boleh

“  
Anwar selalu mengadakan sandiwara, sepanjang masa dia hidup dalam sandiwara, dia nak jadi Perdana Menteri, atas pentas bolehlah... sandiwara”

**Mahathir Mohamad**  
Bekas Perdana Menteri

mendapat sokongan majoriti di Dewan Rakyat tetapi meragui jika ia boleh memperoleh sokongan dua pertiga.

Sementara itu, Anwar pada sidang media di Petaling Jaya berkata, terdapat dua kemungkinan sama ada beliau atau Wan Azizah menarik diri dari pertandingan.

"Kalau Anwar kekal, Azizah tarik diri, kalau Azizah kekal Anwar tarik diri. Kami pasukan yang utuh. Hidup mati kami bersama. Pertandingan saya bukan dengan Azizah sebenarnya tapi dengan pemimpin UMNO dan kami sudah bersedia dengan segala kemungkinan termasuk keputusan Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman penjara berhubung kes Liwat II," katanya.